

Terma dan Syarat Kempen PerlindunganKu COVID-19

Kempen Perlindunganku COVID-19 ("Kempen") dianjurkan oleh Allianz General Insurance (Company) Malaysia Berhad ("AGIC") dan akan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini akan berlangsung dari 1 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2022 atau pada tarikh jumlah keseluruhan yang perlu dibayar di bawah Kempen ini mencecah RM2 juta, mana-mana yang berlaku terdahulu ("**Tempoh Kempen**"). Walau apa pun yang disebutkan di atas, AGIC berhak mengubah Tempoh Kempen tanpa notis terdahulu.

2. Kelayakan

Kempen ini terbuka untuk semua rakyat Malaysia yang membeli perlindungan insurans yang diunderait oleh AGIC di bawah Allianz PerlindunganKu, PerlindunganKu Allianz4All atau Pos PerlindunganKu semasa Tempoh Kempen ("**Peserta Yang Layak**"). Pelanggan individu tersebut akan dianggap sebagai **Peserta Yang Layak** dan akan didaftarkan secara automatik dalam Kempen.

3. Kriteria Kempen

- a) Mana-mana rakyat Malaysia yang membeli perlindungan di bawah Allianz PerlindunganKu, PerlindunganKu Allianz4All atau Pos PerlindunganKu bermula dari 30 September 2021 semasa Tempoh Kempen akan didaftarkan secara automatik dalam Kempen.
- b) Peserta Yang Layak perlu memberikan nombor Kad Pengenalan, telefon bimbit dan emel yang sah semasa membeli skim PerlindunganKu. Jika tidak, sebarang tuntutan yang dibuat di bawah Kempen ini boleh ditolak.
- c) Tempoh menunggu empat belas (14) hari dari tempoh sah perlindungan di bawah Kempen ini akan terpakai. Ini bermaksud bahawa Peserta Yang Layak tidak berhak membuat tuntutan di bawah Kempen ini jika diagnosis Covid-19 positif diperolehi semasa tempoh menunggu atau jika Peserta Yang Layak mengalami sebarang kesan sampingan akibat vaksin Covid-19 dalam tempoh menunggu.

4. Mekanism Kempen

- a) Di bawah Kempen ini, semua Peserta Yang Layak berhak membuat tuntutan dari Dana PerlindunganKu yang ditubuhkan oleh AGIC secara percuma jika didiagnos menghidap Covid-19, tertakluk pada terma dan syarat Kempen ini.

b) Perlindungan di bawah Kempen ini adalah seperti berikut:

Kempen PerlindunganKu COVID-19									
Tempoh Perlindungan Sah	<p>Tempoh Perlindungan Sah bagi Peserta Yang Layak di bawah Kempen hendaklah sepadan dengan tempoh insurans Peserta Yang Layak di bawah perlindungan insurans Allianz PerlindunganKu, PerlindunganKu Allianz4All atau Pos PerlindunganKu yang mestilah semasa Tempoh Kempen.</p> <p>Oleh itu, Tempoh Perlindungan Sah akan tamat pada:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) 31 Disember 2022; ATAU (b) pada tarikh jumlah keseluruhan yang berbayar di bawah Kempen ini mencecah RM2 juta; ATAU (c) pada tarikh akhir tempoh insurans di bawah perlindungan insurans PerlindunganKu; <p>mana-mana yang berlaku terdahulu, dengan syarat perlindungan dibeli semasa Tempoh Insurans.</p>								
Amaun perlu dibayar setelah didiagnos dengan Covid-19 semasa Tempoh Perlindungan Sah	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #ADD8E6; text-align: left; padding: 5px;">Perlindungan di bawah Kempen PerlindunganKu Covid-19</th><th style="background-color: #ADD8E6; text-align: left; padding: 5px;">Amaun Perlu Dibayar</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 10px;">Kematian (Punca: Covid-19 dan kesan sampingan Covid-19)</td><td style="padding: 10px; text-align: center;">RM 10,000</td></tr> <tr> <td style="padding: 10px;">Pendapatan Hospital – Hospital Kerajaan sahaja (Punca: Rawatan untuk Covid-19)</td><td style="padding: 10px; text-align: center;">RM 50 sehari (sehingga 30 hari semasa Tempoh Perlindungan Sah di bawah Kempen)</td></tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 10px;"> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh menunggu empat belas (14) hari dari Tempoh Perlindungan Sah akan terpakai. Ini bermaksud bahawa <ul style="list-style-type: none"> (a) sebarang diagnosis Covid-19 positif yang diperolehi sebelum atau semasa tempoh menunggu ini; atau (b) sebarang kesan sampingan akibat vaksin Covid-19 yang diperolehi sebelum tempoh menunggu; tidak akan memberi kelayakan untuk mana-mana Peserta Yang Layak untuk membuat tuntutan di bawah Kempen ini. 2. Tertakluk kepada Perkara 1 di atas, sebarang tuntutan yang dibuat di bawah Kempen ini untuk kematian atau Pendapatan Hospital (hospital kerajaan sahaja) hanya akan dibayar sekiranya kematian (akibat Covid-19 atau kesan sampingan </td></tr> </tbody> </table>	Perlindungan di bawah Kempen PerlindunganKu Covid-19	Amaun Perlu Dibayar	Kematian (Punca: Covid-19 dan kesan sampingan Covid-19)	RM 10,000	Pendapatan Hospital – Hospital Kerajaan sahaja (Punca: Rawatan untuk Covid-19)	RM 50 sehari (sehingga 30 hari semasa Tempoh Perlindungan Sah di bawah Kempen)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh menunggu empat belas (14) hari dari Tempoh Perlindungan Sah akan terpakai. Ini bermaksud bahawa <ul style="list-style-type: none"> (a) sebarang diagnosis Covid-19 positif yang diperolehi sebelum atau semasa tempoh menunggu ini; atau (b) sebarang kesan sampingan akibat vaksin Covid-19 yang diperolehi sebelum tempoh menunggu; tidak akan memberi kelayakan untuk mana-mana Peserta Yang Layak untuk membuat tuntutan di bawah Kempen ini. 2. Tertakluk kepada Perkara 1 di atas, sebarang tuntutan yang dibuat di bawah Kempen ini untuk kematian atau Pendapatan Hospital (hospital kerajaan sahaja) hanya akan dibayar sekiranya kematian (akibat Covid-19 atau kesan sampingan 	
Perlindungan di bawah Kempen PerlindunganKu Covid-19	Amaun Perlu Dibayar								
Kematian (Punca: Covid-19 dan kesan sampingan Covid-19)	RM 10,000								
Pendapatan Hospital – Hospital Kerajaan sahaja (Punca: Rawatan untuk Covid-19)	RM 50 sehari (sehingga 30 hari semasa Tempoh Perlindungan Sah di bawah Kempen)								
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh menunggu empat belas (14) hari dari Tempoh Perlindungan Sah akan terpakai. Ini bermaksud bahawa <ul style="list-style-type: none"> (a) sebarang diagnosis Covid-19 positif yang diperolehi sebelum atau semasa tempoh menunggu ini; atau (b) sebarang kesan sampingan akibat vaksin Covid-19 yang diperolehi sebelum tempoh menunggu; tidak akan memberi kelayakan untuk mana-mana Peserta Yang Layak untuk membuat tuntutan di bawah Kempen ini. 2. Tertakluk kepada Perkara 1 di atas, sebarang tuntutan yang dibuat di bawah Kempen ini untuk kematian atau Pendapatan Hospital (hospital kerajaan sahaja) hanya akan dibayar sekiranya kematian (akibat Covid-19 atau kesan sampingan 									

	<p>Covid-19) atau kemasukan hospital untuk rawatan Covid-19 adalah selepas tempoh menunggu empat belas (14) hari tetapi dalam Tempoh Perlindungan Sah.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Sekiranya kematian (akibat Covid-19 atau kesan sampingan vaksin Covid-19) atau kemasukan hospital untuk rawatan Covid-19 adalah selepas Tempoh Kempen tamat (walaupun kejadian tersebut mungkin berlaku dalam tempoh insurans PerlindunganKu), Peserta Yang Layak tidak dapat membuat tuntutan di bawah Kempen ini. 4. Berkenaan dengan perlindungan Pendapatan Hospital (hanya untuk hospital kerajaan sahaja), amaun harian boleh dibayar sehingga tiga puluh (30) hari untuk keseluruhan Tempoh Perlindungan Sah. Sebarang bayaran harian yang telah dibuat akan mengurangkan jumlah hari yang sedia ada dan akibatnya, jumlah yang boleh dibayar kepada Peserta Yang Layak juga akan dikurangkan dengan sewajarnya. 5. Perlindungan Pendapatan Hospital (untuk hospital kerajaan sahaja) hanya akan dibayar sekiranya Peserta Yang Layak dimasukkan ke hospital kerajaan untuk rawatan Covid-19. Peserta Yang Layak tidak dapat membuat tuntutan untuk perlindungan Pendapatan Hospital jika dia dikehendaki untuk kuarantin di hospital kerajaan tetapi tidak menerima rawatan untuk Covid-19.
Proses Tuntutan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghantar dokumen lengkap melalui e-mel ke AGIC-PerlindunganKu@allianz.com.my 2. Allianz menerima dokumen dan mengesahkan kelayakan untuk tuntutan. 3. Tuntutan diluluskan (<i>dalam tempoh 14 hari bekerja setelah menerima dokumen lengkap oleh Allianz</i>). 4. Bayaran tuntutan melalui e-pembayaran (<i>5 hari bekerja</i>).
Dokumen Tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Borang Tuntutan Kempen PerlindunganKu COVID-19; ✓ Borang e-pembayaran Allianz; ✓ Salinan sijil kematian (untuk perlindungan kematian); ✓ Salinan laporan perubatan dan ringkasan kemasukan dan pelepasan dari hospital kerajaan; ✓ Sijil Vaksinasi Covid-19; ✓ Salinan ID Penuntut (mis. kedua-dua muka depan dan belakang kad pengenalan); ✓ Bukti butiran akaun bank (mis. halaman pertama penyata bank anda); ✓ Bukti hubungan (mis. sijil kahwin/kelahiran - jika mengemukakan untuk Orang Yang Diinsuranskan selain daripada dirinya sendiri).
<p>Perlindungan percuma di bawah Kempen PerlindunganKu COVID-19 ini akan dibayar berdasarkan konsep pelanggan terawal akan didahulukan dan bayaran akan terhenti apabila Tempoh Perlindungan Sah tamat.</p> <p>Bagi mengelakkan keraguan, notis tuntutan di bawah Kempen ini mesti dihantar kepada AGIC melalui e-mel AGIC-PerlindunganKu@allianz.com.my dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Peserta Yang Layak didiagnos dengan Covid-19.</p>	

5. Syarat-syarat yang lain

- a) Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, dan bersetuju bahwa sebarang keputusan yang dibuat oleh AGIC berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad.
- b) AGIC berhak dan mempunyai budi bicara mutlak untuk mengubah Tempoh Kempen, Tempoh Perlindungan Sah, dan apa-apa terma dan syarat yang lain bagi Kempen ini, atau untuk menangguhkan, membatalkan atau menghentikan Kempen ini tanpa sebarang notis atau alasan terlebih dahulu.
- c) AGIC tidak akan bertanggungjawab bagi kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung dalam apa-apa juga bentuk atau bagaimana ianya timbul, yang mungkin dialami oleh Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak yang menuntut melalui Peserta yang Layak di bawah Kempen ini.
- d) Bagi sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi Allianz melalui Live Chat allianz.com.my, atau e-mel di customer.service@allianz.com.my atau di 1300 22 5542, Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam .
- e) Terma dan syarat Kempen ini akan ditadbir dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia.